

Dr M kurang guna kuasa terhadap penentang

WASHINGTON, Khamis (Reuter) — Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad kurang menggunakan kuasa dan undang-undang keselamatan terhadap penentang kerajaan berbanding pemimpin-pemimpin sebelumnya.

Ini ditegaskan dalam laporan Jabatan Negara mengenai hak manusia di seluruh dunia bagi 1986 kepada Kongres hari ini.

Laporan itu seterusnya berkata, revolusi tanpa menumpahkan darah di Filipina setahun lalu menonjolkan kemajuan dalam perlindungan hak manusia di Asia, tetapi di Kampuchea dan Vietnam keadaannya masih buruk.

Laporan Jabatan Negara itu seterusnya berkata, pemimpin baru Fi-

lipina, Presiden Corazon Aquino 'bertindak mengembalikan pemerintahan mengikut undang-undang dan yang menghormati hak manusia'.

Laporan itu memuji Aquino kerana membebaskan tahanan-tahanan politik, ramai daripadanya komunis, selepas mengambil alih kuasa daripada pemimpin yang diguling, Ferdinand Marcos yang lari ke Amerika.

Ingatkan

Laporan itu mengingatkan, Puan Aquino menubuhkan sebuah suruhanjaya mengenai hak manusia dan mewajibkan pengajian mata pelajaran itu di sekolah-sekolah, menguatkuasakan hal itu terhadap puak-puak bersenjata tempatan yang diketahui gemar membuat kacau sewaktu pemerintahan Marcos.

Laporan itu mengecam pemerontak-pemberontak pimpinan komunis kerana melancarkan

kempen keganasan, membunuh dan menculik selain menyelar tentera kerajaan kerana melakukan pembunuhan dan mengugut sewaktu pilihanraya kebangsaan diadakan yang kemudiannya membawa kepada kejatuhan Marcos Februari tahun lalu.

Tetapi, ia berkata walaupun wujud dakwaan mengenai perbuatan mendera oleh pasukan keselamatan, 'tiada bukti yang membayangkan perbuatan seperti itu berleluasa sekarang, dibuat secara sistematik ataupun dibenarkan oleh peringkat tinggi tentera.'

Laporan itu secara khusus mengecam keras Vietnam dan kerajaan yang disokongnya di Kampuchea dengan bantuan 140,000 askar.

"Sepanjang 1986, pencabulan hak-hak manusia secara sistematik diteruskan di Kampuchea, apabila Vietnam menggunakan kekerasan untuk mempertahankan rejim bonekanya daripada tentangan rakyat ramai," tegas laporan itu.

Ia mengecari kerahan buruh paksa secara besar-besaran dekat sempadan dengan Thailand di mana rakyat dipaksa membina kubu-kubu benteng pertahanan bagi menyekat laluan penyusupan pasukan-pasukan pejuang yang menentang kerajaan Phnom Penh.

Ramai orang awam menjadi korban kemalangan periuk api dan kerana mengidap penyakit dalam operasi itu. Ia menganggarkan 5,000 orang maut kerana itu pada 1985.

Laporan itu mendakwa perbuatan mendera tahanan di Kampuchea adalah satu amalan harian dan kematian pula adalah suatu perkara biasa.

Ia turut mengecam pejuang Khmer Rouge, yang digulingkan oleh Vietnam pada 1979 kerana kekejamannya. Ia memetik anggota-anggota yang belot sebagai berkata, ada rakyat yang dibunuh kerana berkahwin tanpa kebenaran.

Laporan itu mendapati mutu perlindungan hak manusia di China menunjukkan kemajuan, walaupun sedikit.

Terbuka

"Perlindungan hak manusia maju sedikit di China pada 1986," kata laporan itu. 'Arus ke arah kelonggaran bagi kegiatan agama masih berterusan', di samping sikap yang lebih terbuka untuk rakyatnya pergi melawat ke luar negeri.

Laporan itu mengecam Taiwan dan Korea Selatan kerana tidak membenarkan perkembangan politik sejajar dengan kemajuan ekonomi. "Perlindungan hak manusia 'tidak wujud sepenuhnya' di Taiwan, kata laporan itu, dengan menambah ada beberapa laporan yang boleh dipercayai mengenai perbuatan mendera yang dibenarkan oleh pihak berkuasa.

Laporan itu berkata, hal serupa berlaku di Korea Selatan, walaupun ia ditulis sebelum kerajaan Seoul mengaku bulan lalu bahawa dua anggota polis membunuh seorang pelajar yang menentang sewaktu menderanya. Ia mengecam kerajaan kerana menghadkan kebebasan bersuara, dan kerana menapis media berita.

Laporan itu mendapati 'sedikit' kemajuan dicapai di Indonesia, khususnya penghentian 'pembunuhan tanpa bicara' yang dijalankan secara sulit terhadap rakyat yang disyaki penjenayah.

Ia memuji Thailand kerana bertindak tegas terhadap nelayan yang menjadi lanun, yang mencari mangsa terdiri daripada pelarian bot dari Vietnam, dengan membunuh, merompak dan merogol mereka.